

Wai Ching panjat 'Everest' setiap minggu

Pelari menara
nombor 1 dunia
impi tawan
Burj Khalifa
selepas cipta
23 rekod baharu

Oleh **Sukhairi Thani**
sukhairi@bh.com.my

Kuala Lumpur: Menara tertinggi dunia iaitu Burj Khalifa di Dubai menjadi impian untuk ditawan pelari menara Malaysia, Soh Wai Ching selepas lima tahun bergerak secara aktif dalam sukan berkenaan.

Siapa sangka dalam tempoh singkat itu, Wai Ching yang mempunyai keperibadian positif kini bergelar pelari menara nombor satu dunia dan namanya tersemat dalam *Guinness World Record* serta *Malaysia Book of Records*.

Sejak menvertai sirkit profe-



Wai Ching berharap akan diangkat sebagai 'bapa larian menara'.

San Francisco (April)

agak sukar. Sudah banyak jumpa

Biodata

Soh Wai Ching

Tarikh/tempat lahir: 29 September 1994/ Hospital Kuala Lumpur
Pendidikan: Sarjana Muda Sains Sukan Universiti Malaya (UM)

Pencapaian terbaik:

2022

- Pertama** - M1 Run di Media One Hotel (Dubai)
- Pertama** - Scale The Strat di menara The Strat (Amerika Syarikat)
- Pertama** - Big Climb Dallas di Bank of Amerika Plaza (Amerika Syarikat)
- Pertama** - Big Climb Seattle di Columbia Center (Amerika Syarikat)
- Pertama** - Big Climb Houston di Three Allen Center
- Pertama** - Fight for Air Climb San Francisco di 555 California St
- Pertama** - Tunnel 2 Towers Tower Climb NYC di One World Trade Center (Amerika Syarikat)
- Pertama** - Fight for Air Climb New York City di Penn 1 Plaza (Amerika Syarikat)
- Kedua** - Kejohanan Dunia Larian Menara Eropah: Bieg Na Szczyt di Rondo 1 (Poland)

***8 kemenangan dan 3 rekod baharu secara keseluruhan**

2021

- Pertama** - Kejohanan Larian Menara Jerman: Koln Turm Staircase Run di Kolnturm Treppenlauf (Jerman)
- Pertama** - Empire State Building Run Up di Empire State Building (Amerika Syarikat)
- Pertama** - Gift of Adoption Fund Michigan Stair Climb di 3000 Town Center (Amerika Syarikat)
- Pertama** - Gift of Adoption Fund Michigan Power Hour di 3000 Town Center (Amerika Syarikat)
- Pertama** - SkyRise Chicago di Willis Tower (Amerika Syarikat)
- Pertama** - Carrera Vertical Towerrunning di Mexico WTC (Mexico)

***6 kemenangan dan 3 rekod baharu secara keseluruhan**

2020

- Pertama** - Vertical Run Almas Tower di Almas Tower (UAE)
- Pertama** - M1 Run di Media One Hotel (UAE)
- Pertama** - Sibul Tower Run di Wisma Sanyan (Malaysia)
- Pertama** - Loros Tower Run di Loros Tower (UK)

***4 kemenangan dan 2 rekod baharu secara keseluruhan**

2019

- Pertama** - Vertical Rush di Tower 42 (UK)
- Pertama** - Lotte World Tower International Sky Run di Lotte Tower (Korea Selatan)

Sejak menyertai sirkuit profesional pada 2017, Wai Ching sudah menyertai lebih 70 pertandingan larian menara dan daripada jumlah itu, dia memenangi 37 dengan 23 adalah rekod baharu.

Tentunya ia memerlukan satu daya usaha yang luar biasa bukan saja dari sudut fizikal, tetapi juga mental apatah lagi Wai Ching bergerak berbekalkan sumber poket sendiri bagi membawa nama negara terus dikenali di persada dunia.

Mujur, selepas usaha serta kejayaan diraih, kini Wai Ching sudah mula dikenali, sekali gus membuka banyak mata untuk turut sama membantu dalam misi kariernya di pentas antarabangsa.

Bangunan One World Trade Center di New York, Amerika Syarikat adalah antara menara yang baru dituklukkan pada awal bulan ini, menamatkan perlumbaan menaiki anak tangga 104 tingkat dengan 2,226 anak tangga berkeinaan dalam masa 12 minit 46 saat.

Pelari berusia 27 tahun juga pernah menawan menara The Strat di Las Vegas yang mempunyai 108 tingkat dengan 1,455 anak tangga pada Februari lalu, mengungguli pertandingan *Scale the Strat* dalam tempoh masa enam minit 57 saat.

Agak 'gila' tetapi ia adalah antara kemenangan yang diraih Wai Ching dalam tahun ini selepas Larian M1 di Dubai pada Februari, *Big Climb Dallas* (Mac), *Big Climb Seattle* (Mac), *Big Climb Houston* (April) dan *Fight for Air Climb*

San Francisco (April).

Justeru, adalah tidak mustahil sekiranya Wai Ching berhasrat untuk mencapai impiannya pada satu hari nanti, 'meneroka' Burj Khalifa, berkeetinggian 829.8 meter (m) yang pernah dipanjat 'Spiderman' dari Perancis, Alain Robert pada 2011.

"Saya pernah berada di Dubai selama lima bulan sebelum ini. Saya cuba seboleh mungkin 'ketuk pintu' (pengurusan) Burj Khalifa dengan harapan dapat menganjurkan satu percubaan *Guinness World Record* di sana. Saya nak cuba meraih rekod terpantas sebagai manusia menaiki Burj Khalifa - bangunan tertinggi di dunia.

"Perlu mempunyai peluang untuk membuat rekod terlebih dulu, selepas itu baru berpeluang untuk buat pertandingan di sana. Namun bagi saya, mungkin alasan utama (tidak membenarkan) adalah faktor keselamatan kerana Burj Khalifa adalah bangunan tertinggi di dunia.

"Mungkin mereka tidak mahu kerana bimbangkan bahaya. Jadi mereka tidak mahu dan lebih mengutamakan keselamatan bangunan itu. Bagi saya, mungkin mereka belum dapat melihat lagi prospek larian menara ini.

"Larian menara ini boleh mempromosi satu bangunan selain membina jenama negara. Jadi saya melihatnya sebagai satu peluang, tetapi mereka melihat daripada sudut berbeza. Saya gagal mengubah pemikiran mereka...

agak sukar. Sudah banyak jumpa dan cuba sebaik mungkin, tetapi gagal," katanya.

Ditanya mengenai bagaimana boleh jatuh hati dengan sukan berkenaan, anak bongsu daripada empat adik beradik ini berkata, dia mula berjinak-jinak dengan menyertai satu pertandingan di Menara Kuala Lumpur pada 2014.

"Masa itu, belum minat dengan sukan ini, hanya (suka) berlari saja. Namun pada 2017, saya mula menyertai semula larian menara kerana menyahut cabaran rakan. Pada ketika itu, saya graduan Sains Sukan Universiti Malaya, jadi saya sendiri membuat plot program dan mula terasa cabaran.

"Saya seorang yang sukakan cabaran dan selalunya akan plot program latihan, berlatih dan mencuba. Di laman sesawang, nak cari program larian menara memang tak ada, tidak seperti larian atau maraton.

"Jadi, untuk larian menara ini, saya kena melakukan plot sendiri. Jadi, saya harap pada satu hari nanti, saya boleh jadi 'bapa larian menara' dan itu juga adalah satu daripada impian saya," katanya yang berlatih dengan menaiki kira-kira 500 hingga 600 tingkat setiap hari.

"Kiranya dalam seminggu (dengan 500-600 tingkat setiap hari), seperti saya mendaki gunung Everest menggunakan anak tangga. Setiap hari berlatih kira-kira dua kali ketinggian Burj Khalifa dan satu minggu menyamai gunung Everest," katanya.

Tower(Korea Selatan)

- Pertama** - KL Tower International Towerthon Challenge di Menara KL (Malaysia)
- Pertama** - Carrera Vertical El Ejido di Torre Laguna (Sepanyol)
- Kedua** - Ostantkino Tower Run di Ostantkino Tower (Russia)
- Kedua** - Eureka Stair Climb di Eureka Tower (Australia)
- Ketiga** - IVM ShenZhen di PingAn Finance Center (China)

***14 kemenangan dan 11 rekod baharu secara keseluruhan**

2018

- Pertama** - ITGP ChongQing di World Financial Center (China)
- Pertama** - Canton Tower Run Up di Canton Tower (China)
- Ketiga** - Kerry Sports Vertical Run di Shangri-La at the Fort (Filipina)

***Tiga kemenangan dan satu rekod baharu secara keseluruhan**

2017

- Pertama** - Stairathon One Mont Kiara di One Mont Kiara (Malaysia)
- Pertama** - Melaka Hatten Vertical Run di Hatten Hotel (Malaysia)
- Kedua** - KL Tower International Towerthon Challenge di Menara KL (Malaysia)

***Keseluruhan - 2 menang dan dua rekod baharu secara keseluruhan**

